

166 Pelajar teruja sertai lawatan sehari ke UMP

KUANTAN – Keterujaan pelajar-pelajar yang dibawa mengikuti lawatan singkat ke Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini menjadi pemungkin untuk belajar bersungguh-sungguh bagi membolehkan mereka mendapat tempat bagi melanjutkan pelajaran di institusi pegajian tinggi itu (IPT).

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pekan, Sharifah Nor Najmina Syed Nujaimi, 15, berkata, selepas berkunjung ke universiti tersebut, semangatnya semakin berkobar-kobar untuk menyambung pelajaran di situ.

“Selepas melawat UMP, semangat saya semakin berkobar-kobar nak belajar bersungguh-sungguh supaya boleh belajar di sana suatu hari nanti.

“Program ini juga banyak memberikan maklumat mengenai peluang melanjutkan pengajian di UMP,” katanya.

Dia berkata demikian ketika ditemui pada majlis makan malam sempena Program Sentuhan Kasih selama sehari di UMP Kampus Gambang di sini, kelmarin.

Dia adalah antara 166 anak yatim yang menyertai program lawatan tersebut.

Program kerjasama UMP dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) itu dirasmikan oleh Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas Negeri, Datuk Norol Azali Sulaiman.

Muhammad Syukur Amirullah Abdullah, 15, dari



Norol Azali (tengah) bersama sebahagian anak yatim yang diraikan pada majlis makan malam sempena Program Sentuhan Kasih UMP, di Kampus Gambang, kelmarin.

SMK Rompin pula melahirkan perasan gembira kerana berpeluang merasai pengalaman berada di IPT itu.

“Saya rasa seronok sebab bukan senang nak masuk kampus dan tinggal dalam kolej kediaman universiti

UMP ini,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Datuk Prof Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, beberapa aktiviti diadakan sepanjang program berkenaan antaranya sesi latihan dalam kumpulan, permainan minda

dan lawatan sekitar kampus.

Katanya, kepelbagaiannya pengisian aktiviti dilakukan bertujuan memberi galakan dan motivasi kepada peserta untuk lebih bersemangat dalam meniti cabaran kehidupan sebagai anak yatim.

“Ia juga dapat menyuntik kesedaran dalam diri mereka bahawa walaupun tanpa ibu atau bapa di sisi, masih ramai individu dan banyak pihak yang mengasihinya serta mengambil berat perihal anak-anak yatim ini,” katanya.